



**KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS**

Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>
(Official Portal)

Rujukan Kami : JPT/GS1000-606 Jld. 1 (42)
Tarikh : 10 April 2015

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

PEKELILING

**PELANJUTAN TEMPOH MORATORIUM SEPARA PENUBUHAN INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) BERSTATUS UNIVERSITI, KOLEJ
UNIVERSITI DAN KOLEJ YANG BARU**

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

TUJUAN

1. Pekiiling ini bertujuan untuk memaklumkan berhubung dengan pelanjutan tempoh moratorium separa penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) berstatus Universiti, Kolej Universiti dan Kolej yang baru.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan Moratorium Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) baharu pada 1 Februari 2013 sehingga 31 Januari 2015. Walau bagaimanapun, pengecualian kepada moratorium tersebut telah dipertimbangkan bagi tiga (3) keadaan iaitu:

- (i) permohonan baru IPTS termasuk naik taraf yang diterima sebelum tarikh kuatkuasa moratorium;

- (ii) penubuhan baru kampus cawangan luar negara dengan mengambil kira bahawa universiti induk berada dalam kedudukan antara 100 universiti terbaik dunia atau berdasarkan keputusan Jemaah Menteri; dan
- (iii) penubuhan IPTS dilaksanakan di kawasan pembangunan baru di Pagoh dan Iskandar Malaysia, Johor.

3. Objektif moratorium dilaksanakan adalah untuk:

- (i) mengelakkan daripada berlakunya lebihan penawaran berbanding permintaan dalam sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia;
- (ii) memberi fokus kepada pelaksanaan rasionalisasi sektor pendidikan tinggi swasta melalui kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstrukturan semula IPTS; dan
- (iii) memberi fokus kepada usaha meningkatkan kualiti program pengajian dan IPTS yang sedia ada.

4. Dalam usaha menyokong objektif moratorium, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa tindakan yang sewajarnya seperti disarankan dalam keputusan Jemaah Menteri. Di antaranya adalah:

- (i) membuat semakan semula ke atas dasar, syarat, kriteria, dan garis panduan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555];
- (ii) melaksanakan rasionalisasi sektor pendidikan tinggi swasta melalui kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstrukturan semula IPTS bagi peningkatan keupayaan dan pembangunan kapasiti; dan
- (iii) melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan Akta 555 ke atas IPTS sedia ada.

5. Bilangan IPTS sehingga 31 Disember 2014 adalah 61 buah Universiti Swasta, 34 buah Kolej Universiti Swasta, 9 buah Kampus Cawangan Universiti Luar Negara dan 409 buah Kolej Swasta yang aktif menawarkan program dalam pelbagai bidang. Sehubungan itu, berdasarkan sistem penilaian dan penarafan SETARA (Rating for Higher Education Institutions In Malaysia) dan MyQUEST (Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges), terdapat IPTS yang perlu diperkukuhkan dan dipertingkatkan kualiti pencapaiannya dalam merealisasikan Malaysia sebagai sebuah hab pendidikan bertaraf global.

6. Berdasarkan impak tindakan rasionalisasi, penguatkuasaan, penilaian dan penarafan kualiti IPTS melalui SETARA dan MyQUEST yang dilaksanakan dalam tempoh moratorium fasa pertama telah menunjukkan beberapa perkembangan positif yang menyokong objektif moratorium khususnya untuk menjamin kualiti dan kelestarian IPTS.

7. Justeru itu, dalam usaha mengoptimumkan pencapaian IPTS, pelanjutan tempoh moratorium dicadangkan bagi membolehkan rasionalisasi sektor pendidikan tinggi swasta melalui kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstrukturan semula IPTS dapat dilaksanakan di samping dapat memperkukuh dan menjamin kualiti program pengajian di IPTS.

8. Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya moratorium separa ke atas penubuhan IPTS berstatus universiti, kolej universiti dan kolej yang baru dilanjutkan bagi tempoh 2 tahun, berkuat kuasa daripada **1 Februari 2015 sehingga 31 Januari 2017**.

PENGECUALIAN MORATORIUM SEPARA

9. Walaupun moratorium dikuatkuasakan, permohonan oleh IPTS boleh dipertimbangkan seperti:

- (i) permohonan menaik taraf;

- (ii) penubuhan baru kampus luar negara dengan mengambil kira bahawa universiti induk berada dalam kedudukan antara 100 universiti terbaik dunia;
- (iii) perkara-perkara yang dipersetujui berdasarkan keputusan Jemaah Menteri; dan
- (iv) penubuhan IPTS dilaksanakan di kawasan pembangunan baru di Pagoh dan Iskandar Malaysia, Johor.

TEMPOH KUAT KUASA

10. Pekeliling Pelanjutan Tempoh Moratorium Separa Penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) berstatus universiti, kolej universiti dan kolej yang baru ini berkuat kuasa dalam tempoh dua tahun mulai **1 Februari 2015** hingga **31 Januari 2017**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Jabatan Pendidikan Tinggi

Tarikh: 10 April 2015

s.k

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)

Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)
Menteri Pendidikan

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)
Menteri Pendidikan II

Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia